



**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR**

**26 JUN 2019**

**9:30 MALAM**

**KENYATAAN MEDIA**

**PENCEMARAN BAU DI SUNGAI SEMENYIH**

- Lembaga Urus Air Selangor telah dimaklumkan bahawa berlakunya pencemaran bau yang tinggi di Sungai Semenyih yang mencapai sehingga 7 ton pada jam 3:20 petang. Sehubungan itu, Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih telah dihentitugas pada jam 5:00 petang tadi.
- Berdasarkan siasatan, punca bau telah dikenalpasti daripada sebuah kilang memproses minyak sawit mentah kepada minyak sawit bersih disekitar kawasan Semenyih. Pihak LUAS telah menghubungi kilang tersebut agar menutup pelepasan efluen dari kilang serta merta pada jam 7:35 malam.
- LUAS telah mengambil sampel pada jam 8:30 malam di sump (tempat mengalirnya bahan buangan) dari kilang di mana efluen tersebut akan melalui longkang terlebih dahulu dan seterusnya mengalir terus memasuki Sungai Rinching. Jarak sump ke Sungai Rinching adalah sejauh 450 meter.
- Hasil pemantauan di kilang tersebut, terdapat sump yang berbau seperti pencemaran bau di Sungai Semenyih. Pihak Jabatan Alam Sekitar memutuskan akan membuat siasatan pada keesokan hari (27 Jun 2019) dengan memasukkan cecair berwarna ke dalam saluran sump bagi menentukan aliran ke sump tersebut.
- Perintah di bawah Seksyen 121(1) Enakmen LUAS 1999 boleh dikeluarkan kepada pihak kilang supaya menghentikan operasi kerja-kerja bagi tujuan melindungi alam sekitar, kesihatan dan keselamatan awam.
- Menurut jangkaan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS), loji hanya akan dapat beroperasi semula dalam tempoh 15 jam (11 pagi, Khamis 27 Jun 2019) bergantung pada keadaan cuaca dan aliran di sungai serta tiada lagi pencemaran berulang.



- Sehingga kini, pihak LUAS dan juga beberapa agensi atau jabatan seperti Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), Pengurusan Air Selangor dan Jabatan Alam Sekitar berusaha dan bekerjasama dalam menangani isu ini.
- Bagi mengikuti perkembangan terkini sila layari laman sesawang LUAS <https://luas.gov.my/v3/my/> atau *facebook* di carian Lembaga Urus Air Selangor.

## **LEMBAGA URUS AIR SELANGOR**